

Nasional

Projek mega Pulau Bayas terbengkalai

'Projek jejias rantaian ekosistem semula jadi'

Kesan pencemaran tercetus sejak awal pembinaan zon bebas cukai

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kesukaran menyiapkan projek zon bebas cukai di Pulau Bayas, dekat Tasik Kenyir mencerminkan cadangan pembinaan kompleks berkeluasan lebih 65,000 hektar berkenaan adalah tidak bernas, malah mengganggu rantaian ekosistem alam semula jadi.

Kesan pencemaran, khususnya terhadap kualiti air di tasik buatan manusia kedua terbesar di

Asia Tenggara itu dikatakan tercetus sejak awal pembinaan membabitkan kerja pecah tanah dan penggunaan bahan petrol untuk operasi jentera berat.

Berikutan pembukaan kawasan hutan di sekitar kawasan itu, mendakan tanah yang mengalir ke dalam sungai turut menyumbang kepada penyusutan kualiti air dan perubahan permukaan dasar tasik.

Felo Penyelidik Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata pelbagai pihak mula mempersoalkan kewajaran cadangan pembinaan zon bebas cukai itu ketika ia diketengahkan pada enam atau tujuh tahun lalu.

Antara isu utama melingkari projek terbabit adalah pemilihan lokasi yang disifatkan tidak menguntungkan penjual kerana ba-



Dr Ibrahim Komoo

kal meningkatkan kos logistik, selain kemungkinan kadar kemiskinan pelancong ke kawasan itu adalah sangat kurang.

Sehubungan itu, cadangan balas yang diutarakan kepada kerajaan negeri adalah supaya zon bebas cukai sedemikian dibangunkan di kawasan pintu masuk utama atau yang berupaya diakses oleh kenderaan.



Keratan akhbar BH, semalam.

"Pencemaran sebenarnya sudah berlaku sejak fasa pertama penerokaan kawasan yang lazimnya berkaitan isu hakisan tanah dan mendakan di dasar tasik, selain pencemaran susulan penggunaan bahan petrol ketika fasa kedua atau pembinaan.

"Apabila sudah siap, isu pencemaran alam sekitar mungkin terjadi ekoran pereputan struktur bangunan, namun persoalannya sekarang ialah projek ini sudah tergendala dan kini menanti nasib sama ada diteruskan atau sebaliknya.

"Kita ketepikan isu pencemaran jika bangunan ini dibiarkan tergendala dan menjadi 'gajah putih' kerana yang perlu ditimbulkan

ialah mengapa projek zon bebas cukai ini didirikan di kawasan terbabit pada mulanya, sedangkan ada tempat strategik lain," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kerajaan Terengganu pada Khamis lalu membayangkan tidak meneruskan projek Pulau Bayas sebagai zon bebas cukai yang ketika ini siap 77 peratus dan membabitkan penyaluran belanja peruntukan kira-kira RM200 juta.

Projek yang tergendala hampir dua tahun itu kini menanti nasib untuk terus dimajukan, sekali gus muncul sebagai zon bebas cukai pertama di Terengganu sekiranya mendapat suntikan dana daripada mana-mana syarikat swasta.